

PENGENALPASTIAN IMPAK PENGGUNAAN TEKNIK EKSPLORASI DIGITAL DAN MAYA TERHADAP KEBOLEHCAPAIAN MURID DALAM PENULISAN KARANGAN FAKTA

IDENTIFICATION OF THE IMPACT OF USING DIGITAL AND VIRTUAL EXPLORATION TECHNIQUES TOWARDS STUDENT'S ACHIEVEMENT IN WRITING

Kavitha Ratnam
Adenan Ayob

kavitharatnam80@gmail.com
adenansamsung@gmail.com, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Accepted date: 11 December 2017

Published date: 3 April 2018

To cite this document: Ratnam, K., & Ayob, A. (2018). Pengenalpastian Impak Penggunaan Teknik Eksplorasi Digital Dan Maya Terhadap Kebolehcapaian Murid Dalam Penulisan Karangan Fakta. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(9), 37-53.

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meninjau impak penggunaan teknik eksplorasi berasaskan digital dan maya untuk terhadap kebolehcapaian penulisan karangan fakta bagi murid sekolah menengah. Seramai 15 orang murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah menengah dijadikan responden bagi kajian ini. Responden telah ditentukan oleh pihak sekolah menerusi pencapaian akademik yang setara. Kaedah kuasi eksperimen dan analisis karangan digunakan dalam kajian ini. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Deskriptif adalah dalam min, dan sisihan piawai. Inferensi pula berdasarkan Ujian-t Sampel Berpasangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca dalam karangan fakta. Dapatan juga memaparkan bahawa pengetahuan murid meningkat dari segi penggunaan ayat majmuk yang gramatis dan sebagainya. Ini termasuk perbendaharaan kata dan kesalahan ejaan yang minimum dalam karangan berkenaan. Implikasi kajian ini menuntut supaya murid didedahkan dengan teknik digital dan maya supaya selari dengan hasrat pembastarian pendidikan negara.

Kata kunci: Teknik eksplorasi berasaskan digital dan maya, Penulisan karangan, Bahasa Melayu sekolah menengah.

Abstract

This study was conducted to explore the impact of using Internet explorace techniques for teaching high school essay writing. A total of 15 Form Four students in a secondary school as the research

respondents. Respondents were determined by the school based on academic achievement equivalent. Quasi-experimental methods and analysis used in this research essay. Data were analyzed by descriptive and inferential. Descriptive is the percentage, mean, and standard deviation. Inference is based Paired sample t-test. The findings showed that there were significant differences between pre-test and post-test. The findings also show that the general knowledge of students increased, the use of compound sentences are grammatically correct and varied. Vocabulary and spelling errors are minimal in writing. The implications of this study demand that students be exposed to digital and virtual techniques so that the smart line with the national education.

Keywords: *Internet explorace techniques, Essay writing, Malay Language secondary school.*

Pengenalan

Kemahiran menulis di sekolah menengah hari ini kian mencabar minda murid untuk menjawab soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan. Teknik pengajaran berbentuk formal dan penghafalan dalam pelajaran yang digunakan selama ini sukar membantu murid untuk mencetuskan idea secara bernas dan matang. Kemahiran menulis dalam mata pelajaran Bahasa Melayu memerlukan daya pemikiran kognitif aras tinggi (Abdul Rasid Jamian, 2011). Karangan murid yang cemerlang harus mengandungi lima kriteria utama, iaitu, bahasa, laras, idea, pengolahan dan gaya bahasa. Kelima-lima kriteria penskoran karangan ini boleh dikuasai oleh murid jika pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terutamanya aspek karangan dilaksanakan dalam bentuk interaktif (Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian, 2014). Karangan merupakan topik yang banyak menguji kreativiti dan kemahiran murid secara lebih mendalam (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2015). Oleh itu, satu teknik yang bervariasi maklumat amat perlu untuk mencapai matlamat pendidikan negara. Teknik pengajaran dan pembelajaran berbentuk sehala dan berpusatkan guru agak sukar membentuk murid berdaya kreativiti dalam menulis karangan. Guru harus menerapkan unsur pembelajaran abad ke-21 dengan mengaplikasi penggunaan Internet dalam mengajar karangan kepada murid di dalam kelas. Justeru, kajian ini cuba pula mengkaji kesan teknik perayauan Internet terhadap penulisan karangan murid sekolah menengah.

Pernyataan Masalah

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang mudah dipelajari oleh sesiapa sahaja kerana sifatnya sendiri sebagai bahasa pengantar, agen perpaduan kaum dan bahasa ilmu. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan mata pelajaran wajib LULUS oleh semua murid sebelum menamatkan pengajian di sekolah menengah. Bahagian B kertas 1 Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia merupakan kertas soalan yang menguji kemampuan murid mengarang secara sistematik serta memberikan kredit terbanyak dalam evaluasi terakhir. Murid dikehendaki menjawab salah satu soalan daripada 5 soalan yang diberikan sebagai pilihan. Kebelakangan ini, hasil penulisan murid tidak lagi menampakkan kualiti yang dikehendaki. Kupasan mutu jawapan Bahasa Melayu 1 Sijil Pelajaran Malaysia 2012 sehingga 2014 menunjukkan calon yang mencapai markah cemerlang sangat sedikit berbanding calon kumpulan prestasi rendah lebih ramai dan terdapat juga calon yang mendapat markah pencapaian minimum (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012, 2013 & 2014). Kebanyakan murid hanya mampu mancapai tahap kepujian berbanding cemerlang dalam menjawab tugasan. Contoh yang diberikan dalam huraian masih relevan dan esei ditulis menepati kehendak soalan, iaitu tidak kurang 350 patah perkataan tetapi ungkapan yang digunakan ditulis

secara berulang seolah-oleh telah dihafal lebih awal (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Jawapan calon juga tidak menampakkan kematangan fikiran dalam menghuraikan isi, penguasaan bahasa calon masih gramatis tetapi masih terdapat kesalahan tatabahasa yang ringan dan minimum (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013 & 2014).

Segelinitir pendidik juga mencadangkan penggunaan teknik ‘Salin dan Jalin’ boleh membantu murid menguasai bahasa dan menulis karangan yang lengkap. Terdapat juga murid yang boleh menunjukkan kemampuan menulis esei menepati soalan, tetapi pencapaian dan kualiti yang dikehendaki tidak tercapai (Noor Ainah Ag. Jaafar, 2007). Menulis esei yang mantap merupakan masalah yang dihadapi oleh para guru dan murid di seluruh dunia (Abdul Hamid Ahmed, 2010). Kajian yang telah dilakukan Che Zanariah Che Hassan (2011), mendapati masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Melayu ialah untuk menangani kelemahan penguasaan asas Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Guru-guru juga mendapati mengajar penulisan lebih sukar daripada mengajar kemahiran-kemahiran lain dalam bahasa (Akinwamide T.K, 2012). Kajian Zuraini Jusoh (2014), menjelaskan karangan murid tidak akan berada bawah daripada tahap cemerlang jika murid diajar karangan dengan teknik pengajaran yang bersesuaian dan tepat mengikut kemampuan murid. Kepelbagaian teknik dalam mengajar bahasa amat penting terutamanya kemahiran menulis dapat mengubah cara penulisan karangan murid (Sarala et.al, 2015). Sistem pendidikan negara menerima persaingan seiring dengan tuntutan semasa yang perlu ada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam semua bidang. Penggunaan pelbagai bahan rangsangan dalam pengajaran tidak akan memberikan sebarang impak terhadap pemahaman murid jika teknik yang digunakan kurang atau tidak sesuai bagi murid (Che Zanariah Che Hassan, 2011). Teknik pengajaran dan pembelajaran konvensional yang masih menjadi amalan harus diubah kepada bentuk aktif dan interaktif (Abdul Rasid Jamian et.al, 2012). Penggunaan teknik mengajar yang tidak dipelbagaikan dalam pengajaran kemahiran menulis mampu mencetuskan keadaan pembelajaran yang menjemukan dan lama kelamaan murid tidak mampu dan berminat berfikir secara matang (Rasid Jamian et.al, 2013). Unsur bernilai tambah wajar ditegaskan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu seperti kemampuan murid berfikir, belajar cara belajar, kajian masa depan, pembelajaran secara konstruktivisme dan sebagainya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2015). Murid yang diajar harus seimbang dari aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2015). Guru perlu memainkan peranan dominan dalam meningkatkan kualiti penyampaian ilmu Bahasa Melayu. Guru harus bersikap kreatif dan inovatif (Adenan Ayob, 2015) dalam mengajar murid berdasarkan sesuatu teknik.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian adalah untuk meninjau kesan teknik perayauan internet untuk pengajaran penulisan karangan sekolah menengah. Objektif khusus kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti kebolehpasaran murid dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik eksplorasi digital dan maya menerusi teori konstruktivisme.
- ii. Menganalisis kualiti karangan fakta murid sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik eksplorasi digital dan maya dalam penulisan karangan fakta.

Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah skor min ujian pra dan ujian murid sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik eksplorasi digital dan maya dalam penulisan karangan fakta?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan skor min ujian pasca bagi murid sebelum dan selepas didedahkan dengan teknik eksplorasi digital dan maya dalam penulisan karangan fakta?
- ii. Apakah kualiti bahasa, idea dan pengolahan karangan fakta murid dan sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik eksplorasi digital dan maya?

Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi operasional dalam kajian ini. Definisi tersebut adalah seperti berikut:

Teknik Eksplorasi Digital dan Maya Berasaskan Teori Konstruktivisme

Kesatuan lima elemen multimedia, iaitu teks, visual, grafik, audio dan video mampu menggantikan aneka teknik dan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Penggunaan Internet dalam sesi pembelajaran menggalakkan guru dan murid melakukan perayauan dalam talian untuk mencapai dan mengumpul maklumat seberapa banyak yang termampu. Teknik perayauan Internet berasaskan pendekatan konstruktivisme dijangkakan memberikan kesan yang lebih efektif dan sistematik. Teori Konstruktivisme merupakan suatu teori yang berkonsepkan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham digunakan dalam teknik perayauan Internet oleh guru. Tahap pertama ialah tahap orientasi yang memerlukan guru Bahasa Melayu menyediakan suatu suasana pembelajaran yang boleh merangsang minat murid dan semangat ingin tahu lebih mendalam tentang sesuatu topik yang dipelajari. Pada tahap kedua, iaitu fasa pencetusan idea guru harus merancang aktiviti yang sesuai dengan kemampuan murid supaya murid dapat menghubungkaitkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baharu yang bakal dipelajari.

Sesi pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya, murid melakukan penstrukturan semula idea, iaitu fasa ketiga. Dalam fasa ini, perayauan Internet akan dilakukan oleh guru dan diikuti oleh murid. Perayauan Internet dilakukan oleh murid seperti yang ditunjukkan oleh guru, iaitu bermula dengan elemen teks, grafik, audio dan video. Murid akan memulakan perayauan dengan menaip keseluruhan ayat soalan karangan. Perayauan demi perayauan akan membuatkan murid memendekkan ayat carian dan minat mencari maklumat tidak terhenti di sana. Murid akan melakukan perayauan pada setiap laman dan membaca serta mengambil maklumat yang diperlukan sahaja. Dalam masa beberapa minit maklumat murid bertambah. Daya pemikiran murid juga menjadi lebih kreatif dan inovatif akibat impak penerokaan tanpa had. Murid akan ada sikap inkuri dan ingin tahu lebih lanjut lagi. Setelah melalui tiga proses utama fasa Needham, murid akan melakukan aktiviti fasa keempat, iaitu aplikasi pengetahuan lama dan baharu sama ada dalam bentuk peta minda secara individu atau latihan karangan yang diberikan. Murid dapat menyusun idea mengikut turutan dan contoh yang diberikan bersesuaian dengan situasi tugas. Pada fasa terakhir, murid akan membuat refleksi dengan menilai dan membandingkan pengetahuan sedia ada dan pengetahuan baharu yang telah diserap dalam memori minda. Murid mampu menceritakan semula pengalaman yang telah dilalui dan berani menyuarakan pendapat dengan lebih yakin.

Penulisan karangan fakta

Karangan fakta merupakan karangan berformat umum yang menjadi pilihan bagi kebanyakan murid semasa menjawab. Penulisan yang mantap dinilai berdasarkan lima kriteria penskoran, iaitu bahasa, laras, idea, pengolahan dan gaya bahasa. Sesebuah karangan yang lengkap wajar mempunyai pendahuluan yang diolah berdasarkan tema atau kata kunci soalan yang dikemukakan. Isi-isi atau idea-idea karangan ditulis secara tersusun dan menampakkan ada pertautan antara satu isi dengan isi yang lain. Murid perlu mahir menghuraikan setiap idea atau isi penting dalam bentuk fakta dan penerangan yang mantap lagi jitu. Segala tanggapan yang bertentangan dengan sesuatu isu atau perkara harus disokong dengan hujah-hujah dan fakta sebagai pembuktian. Setiap fakta yang dinyatakan perlu diperkukuhkan dengan huraian sokongan yang mengandungi keterangan, contoh, analogi, anekdot atau ungkapan berwibawa dan logik. Penutup karangan fakta harus diolah dengan membuat kesimpulan secara keseluruhan karangan. Penutup paling ideal ialah mempunyai nilai-nilai dan pengajaran atau harapan secara umum.

Ujian pra

Ujian pra dilaksanakan selepas beberapa sesi pembelajaran. Soalan ujian pra merupakan soalan yang pernah diuji dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Bahagian B Kertas 1 Bahasa Melayu. Soalan yang diuji terdiri daripada soalan aras sederhana dan tinggi. Terdapat lima soalan pilihan dan murid dikehendaki pilih satu soalan untuk dijawab. Murid dikehendaki menjawab dalam masa satu jam tiga puluh minit seperti yang telah disarankan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Esei murid hendaklah tidak kurang daripada 350 patah perkataan.

Ujian pasca

Ujian pasca ditadbir selepas tempoh sebulan setelah ujian pra dilaksanakan. Soalan ujian pra merupakan soalan yang pernah diuji dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mata Bahagian B Kertas 1 Bahasa Melayu. Soalan yang diuji terdiri daripada soalan aras sederhana dan tinggi. Murid dikehendaki menjawab dalam masa 1 jam 30 minit seperti yang disarankan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Esei murid hendaklah tidak kurang daripada 350 patah perkataan.

Analisis kualiti karangan

Karangan yang berkualiti merupakan karangan yang menepati kriteria penskoran yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Karangan yang bermutu mengandungi pelbagai kata yang luas dan tepat, ayat majmuk yang digunakan lancar dan tersusun serta ejaan dan tanda baca yang digunakan betul. Dari aspek laras bahasa karangan ini menampakkan penggunaan laras bahasa yang sesuai dengan tugas dan kosa kata yang dipilih untuk tugas juga luas dan tepat. Idea yang diutarakan relevan dengan tugas, isi dihuraikan dengan jelas dan menampakkan kematangan murid berfikir serta diselitkan contoh yang sesuai. Setiap perenggan yang dihasilkan mempunyai keseragaman idea dan menampakkan pertautan idea antara satu idea dengan idea yang lain. Gaya bahasa yang digunakan juga teratur dan diselitkan dengan pantun, peribahasa dan banyak lagi ayat yang menarik.

Sorotan Literatur

Pengajaran dan pembelajaran berbasiskan komputer (PBK) merupakan aplikasi teknologi komputer dalam pendidikan. Komputer digunakan sebagai alat untuk membantu dan melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran berasaskan komputer bukan sahaja berlaku di

dalam kelas malah sehingga ke peringkat global (Joseph Anjuman, 2013). Pendekatan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran harus dirancang dan dilaksanakan sesuai dengan usia, minat dan tahap pembelajaran murid (Noor Aini Ahmad, 2014). Pendidikan hari ini tidak dapat elak daripada menggunakan komputer sebagai bahan dalam menyampaikan ilmu. Pengamalan dan pengaplikasian kemahiran berfikir aras tinggi secara langsung terlaksana dengan adanya penggunaan komputer. Guru juga harus menggunakan kelainan dan modifikasi dengan unsur sumber yang tersedia ada (Sandra Rahman et.al, 2014) supaya apa jua bentuk soalan karangan yang berunsur kemahiran berfikir aras tinggi dapat dijawab dengan baik.


Menurut kefahaman konstruktivisme, ilmu pengetahuan sekolah tidak boleh dipindahkan daripada guru kepada murid dalam bentuk yang serba sempurna. Murid perlu bina sesuatu pengetahuan itu mengikut pengalaman masing-masing. Model konstruktivisme menekankan 3 elemen penting dalam persekitaran e-pembelajaran, iaitu reka bentuk aktiviti pembelajaran, penilaian pembelajaran dan peranan guru (Alex Koohang, 2009). Penglibatan murid secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting dalam proses melihat pembaharuan (Zainal Abidin Zainuddin, 2010). Guru yang mengajar perlu mewujudkan situasi pembelajaran yang menarik dan murid akan menghubungkan maklumat terdahulu dengan maklumat yang diterima kini serta membentuk idea yang baharu (Tejo Nurseto, 2011). Pengetahuan baharu murid akan dikaitkan dengan dunia realiti sebenar (Johan Sandhal, 2013) supaya menjadi satu informasi yang bermakna.

Penggunaan komputer sudah menjadi fenomena global dalam kalangan manusia. Keadaan ini ditambah lagi dengan pengaksesan Internet yang dianggap sebagai alat yang bernilai neutral dan membolehkan individu mengatasi segala halangan mendatang (Shalni Gulati, 2008). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran telah mewujudkan pembelajaran interaktif yang lebih berpengaruh dan merangsang minda (Sandra Rahman et.al, 2013). Sehubungan dengan ini, guru Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran (Yahya Othman, 2014). Pengajaran dan pembelajaran akan menjadi mudah jika guru mahir menggunakan satu teknik yang sudah ada variasi kemudahan, iaitu teknik perayauan Internet (Francesco Avvisati & Rakan-rakan, 2015). Melalui teknik perayauan Internet murid dapat didedahkan dengan aktiviti penyelesaian masalah dalam kehidupan yang sebenar (Micheal Fullan, 2015). Bahan bacaan maya lebih seronok (Adenan Ayob, 2015) dibaca walaupun 100 helai kerana sifatnya yang menarik serta tanpa sebarang bayaran. Kebanyakan guru era teknologi maklumat juga gemar berkongsi ilmu melalui Internet dan mengeratkan hubungan antara guru dari seluruh pelosok dunia dalam bidang yang sama (Larry Johnson et.al, 2015).

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini terbahagi kepada dua fasa yang berdasarkan reka bentuk kuantitatif. Kaedah kuasi eksperimen secara rintis digunakan dalam fasa 1 kerana selari dengan ciri-ciri yang wujud dalam kajian ini, iaitu bersifat inferensi kerana data diuji secara mendalam. Ciri kedua kajian ini adalah lebih kepada sesuatu yang menunjukkan sampel yang hendak digunakan telah disediakan atau ditentukan oleh pihak sekolah. Kaedah ini digunakan adalah berdasarkan pandangan Campbell dan Stanley (1979). Kaedah ini digunakan dengan cara pelaksanaan ujian pra dan ujian pasca. Dalam kajian ini, kuasi eksperimen direkabentukkan dalam Rajah 1.

Analisis karangan murid digunakan untuk meninjau peringkat kualiti karangan murid berdasarkan kuantiti dan peratus dalam fasa II. Kaedah ini digunakan dengan berpandukan analisis karangan yang disediakan oleh pengkaji selain diselaraskan dengan kehendak skema yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014.



Rajah 1: Reka bentuk kajian kuasi eksperimen bagi penyelidikan ini.

Petunjuk:

- O₁ = Ujian pra
- O₂ = Ujian pasca
- X₁ = Rawatan
- = Olahan

Rajah 1 menunjukkan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan terhadap murid. Kumpulan murid yang sama diajar dengan menggunakan teknik penerangan guru sebelum ujian pra. Setelah ujian pra dilaksanakan kumpulan murid yang sama akan melalui proses rawatan, iaitu teknik perayauan Internet digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran karangan fakta Bahasa Melayu. Simbol O₁ merupakan simbol yang menunjukkan proses ujian pra manakala O₂ menunjukkan proses ujian pasca. Simbol X₁ menunjukkan penggunaan teknik perayauan Internet terhadap murid sebagai proses eksperimen selepas ujian pra dan sebelum ujian pasca. Simbol ---- pula merupakan olahan atau proses eksperimen dilaksanakan selepas ujian pra dan sebelum ujian pasca. Ujian pra diadakan untuk melihat kualiti dan pencapaian sedia ada murid dalam menulis karangan fakta. Ujian pasca ditadbir setelah proses eksperimen dilakukan selama satu bulan terhadap sampel.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada murid-murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah di daerah Hilir Perak, Perak. Sampel ini ialah kumpulan murid yang telah dikenal pasti dan ditentukan oleh pihak sekolah atau dikenali sebagai *intact group*. Sampel kajian ini dilakukan berdasarkan pandangan Campbell dan Stanley, (1979).

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di daerah Teluk Intan Perak. Sebuah kelas cemerlang Tingkatan empat dipilih sebagai kumpulan kajian yang masing-masing terdiri daripada 15 orang murid yang telah ditentukan oleh pihak sekolah. Kajian dijalankan di sekolah ini kerana memudahkan pentadbiran kajian dan mudah mendapat kerjasama daripada rakan sekerja.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini meliputi ujian pra, ujian pasca dan analisis kualiti.

Ujian pra

Ujian pra bagi kajian ini telah diselaraskan dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan empat. Kertas soalan bagi ujian pra ini terdiri daripada Bahagian B sahaja yang memperuntukan 100 markah. Terdapat lima soalan pilihan yang dikemukakan dan murid dikehendaki memilih satu

soalan sahaja untuk dijawab. Aspek pengujian telah ditentukan dalam bentuk item mengikut beberapa dimensi, iaitu individu, keluarga, masyarakat atau negara, antarabangsa dan kesusasteraan. Semua item berada pada aras analisis. Item yang diberikan perlu dianalisis secara teliti untuk mendapatkan markah yang telah ditetapkan mengikut kriteria penskoran. Item pada bahagian ini disyorkan dijawab dalam masa 1 jam 30 minit atau 90 minit. Karangan yang ditulis harus melebihi 350 patah perkataan. Tema karangan berdasarkan dalam Sukatan Pelajaran Tingkatan empat dan lima. Kertas soalan ini dicetak dalam satu halaman sahaja. Ketetapan ini telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia 2014. Item yang diuji merupakan soalan-soalan Bahasa Melayu Kertas 1 Sijil Pelajaran Malaysia tahun-tahun lepas, iaitu dari tahun 2006 - 2011. Dalam ujian ini operasinya merupakan skor. Skor ini akan diambil untuk menganalisis data.

Ujian pasca

Ujian pasca akan diadakan selepas murid melalui sekurang-kurangnya sebulan proses eksperimen, iaitu teknik perayauan Internet digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran karangan fakta Bahasa Melayu. Ujian ini bertujuan untuk melihat perubahan dalam penulisan murid dari aspek bahasa, laras, idea, pengolahan dan gaya bahasa. Ujian pasca bagi kajian ini telah diselaraskan dengan Sukatan Bahasa Melayu Tingkatan empat. Kertas soalan bagi ujian pasca ini mempunyai Bahagian B sahaja yang memperuntukan 100 markah. Terdapat lima item disoal dan murid dikehendaki menjawab satu soalan sahaja. Aspek pengujian telah ditentukan dalam bentuk item mengikut beberapa dimensi, iaitu individu, keluarga, masyarakat atau negara, antarabangsa dan kesusasteraan. Semua item berada pada aras analisis. Item pada bahagian ini disyorkan dijawab dalam masa 1 jam 30 minit atau 90 minit. Karangan yang ditulis harus melebihi 350 patah perkataan. Tema karangan berdasarkan dalam Sukatan Pelajaran Tingkatan empat dan lima. Kertas soalan ini dicetak dalam satu halaman sahaja. Ketetapan ini telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia 2014. Item yang diuji merupakan soalan-soalan Bahasa Melayu Kertas 1 Sijil Pelajaran Malaysia tahun-tahun lepas, iaitu dari tahun 2012 hingga 2014. Ujian pasca ini diadakan bagi melihat pencapaian dan kualiti karangan murid setelah melalui proses rawatan. Dalam ujian ini operasinya merupakan skor. Skor ini akan diambil untuk menganalisis data.

Analisis karangan

Skrip jawapan murid, iaitu karangan fakta dijadikan dokumen untuk dianalisis dalam kajian ini. Tujuan analisis dokumen ini adalah untuk membantu penyelidik mendapatkan data secara objektif melalui dokumen serta tidak memerlukan kehadiran informan dan juga dapat memberikan data yang konsisten kerana segala data diperolehi secara tersurat dan dapat digunakan untuk memperoleh kesahan sesuatu jawapan yang diperolehi. Kaedah ini digunakan kerana sumber yang paling mudah dan maklumat yang diperlukan tersedia ada. Skrip jawapan murid akan dianalisis oleh guru yang berpengalaman sebagai pemeriksa Kertas 1 Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia supaya kualiti karangan dapat dilihat berdasarkan skema pemarkahan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pemeriksaan skrip ini bertujuan melihat pencapaian dan kualiti setelah ujian pra dan ujian pasca dilaksanakan. Soalan yang diuji juga merupakan soalan peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia yang sebenar. Penyemakan karangan dijalankan secara bersilang bagi menilai kebolehpercayaan pemarkahan hasil penulisan karangan. Tujuannya adalah untuk menyesuaikan pemberian markah ujian penulisan karangan yang diberikan kepada murid dan mendapatkan nilai yang boleh diterima bagi sistem pemarkahan sebuah penulisan. Seramai dua orang guru yang mengajar Bahasa Melayu Tingkatan empat yang mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang ini lebih dari 10 tahun terlibat dalam pemarkahan yang dijalankan.

Sebelum sesi menilai kertas jawapan murid-murid dijalankan, kedua-dua orang guru yang terlibat telah diberikan taklimat dan skema pemarkahan secara bertulis oleh pengkaji.

Teknik Eksplorasi Digital dan Maya

Seramai 15 orang murid dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Sampel ini akan berada dalam kumpulan yang sama dari mula proses eksperimen sehingga proses terakhir. Tiga minggu sesi pembelajaran pertama, murid-murid mengikuti pengajaran dan pembelajaran seperti biasa bersifat konvensional dan berpusatkan guru. Murid-murid diberikan ujian pra penulisan karangan fakta. Setelah tiga hari ujian pra dilaksanakan, satu waktu Bahasa Melayu atau selepas waktu persekolahan, masa selama satu jam murid diberikan taklimat. Taklimat yang diberikan berkaitan penggunaan teknik tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid. Berikut adalah ringkasan pelaksanaan teknik perayauan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran karangan fakta Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia.

Jadual 1

Elemen Internet	5 Fasa Needham	Aktiviti
Teks – Hiperteks	Orientasi (Fasa 1)	Guru besoal jawab dengan murid tentang tajuk yang dipelajari. Murid cuba menjawab sambil membayangkan berdasarkan pengetahuan sedia ada murid.
	Pencetusan Idea (Fasa 2)	Setelah mendapat suatu gambaran setiap murid akan menaip perkataan berdasarkan tajuk yang ingin dicari dalam laman web. Murid membuat perayauan dari satu laman ke laman sesawang yang lain.
	Penstrukturan semula Idea (Fasa 3)	Setiap idea yang diperolehi akan dicatat atau ditaip pada sebuah kertas. Isi – isi yang dicari akan disusun semula mengikut keutamaan. Banyak kata sinonim juga terserap sepanjang pembelajaran.
	Aplikasi (Fasa 4)	Rangka karangan dibentuk dalam rupa peta minda/jadual.
	Refleksi (Fasa 5)	Murid berkongsi pengalaman membuat perayauan dalam Internet.
Grafik - - Bitmap	Orientasi (Fasa 1)	Guru menunjukkan gambar –gambar tentang tajuk yang dipelajari untuk memberikan satu gambaran dan menarik perhatian murid.
	Pencetusan Idea (Fasa 2)	Pperayauan Internet dilakukan dalam laman teks yang dipenuhi grafik. Grafik tersebut diklik untuk ke laman yang seterusnya.
	Penstrukturan Semula Idea (Fasa 3)	Idea disusun mengikut keutamaan dan membina kerangka karangan dalam bentuk poin ringkas.
	Aplikasi (Fasa 4)	Sekurang-kurang 4 - 5 isi penting disenaraikan. Setiap isi perlu ada sekurang-kurangnya 6 ayat gramatis.
	Refleksi (Fasa 5)	Murid memberikan pandangan tentang cadangan idea dan huraian murid lain.

Bunyi/Audio - Bunyi Asal -Kesan Bunyi	Orientasi (Fasa 1)	Guru mendengarkan beberapa jenis bunyi yang berkaitan dengan tema yang dipelajari . Sesi soal jawab.
	Pencetusan Idea (Fasa 2)	Murid membuat perayauan Internet untuk mencari laman teks dan grafik bergabung dengan audio atau bunyi. Kebanyakan unsur bunyi sudah tersedia ada dalam laman web yang disebut bunyi asal.
	Penstrukturan Semula Idea (Fasa 3)	Maklumat yang telah diperolehi akan disusun mengikut keutamaan setelah mendengar kesan bunyi.
	Aplikasi (Fasa 4)	5-6 isi penting disenaraikan. Setiap isi mengandungi sekurang-kurangnya 5-6 ayat. Peribahasa atau kata-kata hikmat diselitkan.
	Refleksi (Fasa 5)	Murid saling bertukar hasil catatan kerja dan menilai mutu kerja rakan.
Animasi - Animasi Asal - Animasi Teks - Animasi Grafik	Orientasi (Fasa 1)	Guru menayangkan beberapa video yang berkaitan dengan tajuk yang dipelajari. Sesi soal jawab ringkas berlaku.
	Pencetusan Idea (Fasa 2)	Murid membuat perayauan Internet. Laman pertama yang dilayari ialah laman yang sudah ada animasi asal, iaitu video. Kemudian murid akan melihat teks yang beranimasi dan animasi grafik.
	Penstrukturan Semula Idea (Fasa 3)	Murid mampu menjana idea lebih dari sepatutnya. Idea disusun secara berturutan.
	Aplikasi (Fasa 4)	Idea disusun dalam perenggan. Ayat-ayat digabungkan dengan penanda wacana yang tepat dan bersesuaian.
	Refleksi (Fasa 5)	Murid dapat membuat penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah dilalui.

Prosedur Pengumpulan Data

Jadual 2 menunjukkan prosedur pengumpulan data yang bersesuaian dengan kajian ini. Pengumpulan data dibuat berdasarkan ujian yang ditadbir.

Jadual 2

Bil	Aktiviti Sampel	Tempoh/Masa
1.	Ujian Pra – Pengkaji dengan bantuan dua orang guru Bahasa Melayu melaksanakan Ujian Pra terhadap murid (15 orang murid).	Minggu 1 1 jam 30 minit

2.	Taklimat pembelajaran berasaskan teknik perayauan internet diberikan oleh pengkaji kepada murid dan 2 orang guru Bahasa Melayu.	Minggu 2 45 minit
3.	Teks • Hiperteks	Minggu 3 1 jam 10 minit
4.	Grafik • Bitmap	Minggu 4 1 jam 10 minit
5.	Audio • Bunyi Asal • Kesan Bunyi	Minggu 5 1 jam 10 minit
6.	Animasi • Animasi Asal • Animasi Teks • Animasi Grafik	Minggu 6 1 jam 10 minit
7.	Ujian pasca – Pengkaji dengan bantuan dua orang guru Bahasa Melayu melaksanakan ujian.	Minggu 7 1 jam 30 minit

Kumpulan murid ini diberikan pra oleh pengkaji dengan bantuan dua orang guru Bahasa Melayu pada minggu pertama. Ujian pra ini diadakan selama 1 jam 30 minit. Pada minggu kedua, satu taklimat ringkas diberikan tentang pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu berdasarkan teknik perayauan internet selama 45 minit. Pada minggu yang ketiga, murid mula diajar menggunakan teknik perayauan Internet sehingga minggu yang keenam. Murid diajar selama 1 jam 10 minit, iaitu dua waktu pembelajaran Bahasa Melayu. Pada minggu yang ketujuh murid diberikan Ujian Pasca untuk melihat pencapaian dan kualiti karangan fakta Bahasa Melayu. Skor ujian pra dan ujian pasca murid direkodkan dalam komputer menggunakan perisian SPSS versi 21.

Penganalisisan data

Jadual 3 di bawah menunjukkan secara ringkas cara data dianalisis. Kesemua soalan kajian akan dianalisis sama ada secara deskriptif atau inferensi.

Jadual 3

Bil	Soalan kajian	Analisis
i.	Apakah skor min ujian pra dan ujian pasca murid sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik perayauan Internet dalam penulisan karangan fakta?	Deskriptif i. Min ii. Sisihan Piawai

i.	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan skor min ujian pasca bagi murid sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik perayauan Internet dalam penulisan karangan fakta?	Inferensi i. Min ii. Sisihan Piawai iii. Ujian t Sampel Berpasangan
i.	Apakah peringkat kualiti karangan fakta murid sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik perayauan Internet?	Deskriptif Peringkat kualiti: i. Kualiti ii. Peratus

Data bagi soalan kajian (i) dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan Min dan Sisihan Piawai. Data bagi soalan kajian (ii) pula dianalisis secara inferensi untuk mendapatkan Min, Sisihan Piawai dan penentuan perbezaan berdasarkan Ujian t Sampel Berpasangan. Data bagi soalan kajian (iii) dianalisis secara deskriptif, iaitu kuantiti murid dan peratus murid berdasarkan peringkat-peringkat tertentu, iaitu cemerlang, kepujian, baik, memuaskan, kurang memuaskan, dan pencapaian minimum. Kajian ini telah diselaraskan dengan struktur dan justifikasi rubrik permorkahan Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014. Soalan juga tidak perlu diuji kesahan kerana telah menjadi standard dan piawai Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Dapatan Kajian

Subjek kajian ini merupakan 15 orang murid tingkatan 4 yang terdiri daripada 6 orang murid lelaki dan 9 orang murid perempuan dari salah sebuah sekolah di negeri Perak. Terdapat 4 orang murid berbangsa Melayu, 5 orang murid India dan 6 orang murid Cina. Murid-murid ini telah dipilih oleh pihak sekolah berdasarkan pencapaian akademik yang setara. Jadual 4 menunjukkan taburan skor min dan sisihan piawai ujian pra dan pasca murid.

Apakah skor min ujian pra dan ujian pasca murid sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik eksplorasi digital dan maya dalam penulisan karangan fakta?

Jadual 3: Skor min dan sisihan piawai ujian pra dan pasca murid

Ujian	Skor Min	Sisihan Piawai
n=15		
Pra	60.53	12.5
Pasca	78.27	10.6

Jadual 3 menunjukkan bahawa skor min ujian pra kumpulan murid ialah 60.53 dan sisihan piawai 12.5. Skor min ujian pasca pula ialah 78.27 dan sisihan piawai 10.6. Perbezaan skor min ujian pra dan pasca ialah 17.74.

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan skor min ujian pasca bagi murid sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik eksplorasi digital dan maya dalam penulisan karangan fakta?

Ujian-t dua sampel bersandar dilakukan untuk meninjau sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor ujian pra dan pasca murid. Keputusan ujian-t ditunjukkan dalam Jadual 4 seperti di bawah

Jadual 4: Perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan pasca

Ujian	Skor Min	Sisihan Piawai	T	Sig.
n=15				
Pra	60.53	12.5		
Pasca	78.27	10.6	-6.8	.00

*p < .05

Dalam Jadual 4 di atas, keputusan menunjukkan $t(14) = -6.8$, $p < .05$. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan pasca kumpulan murid.

Apakah peringkat kualiti karangan fakta murid sebelum dan selepas didedahkan dengan penggunaan teknik eksplorasi digital dan maya?

Jadual 5 menunjukkan taburan jantina dan skor ujian pra dan pasca murid.

Ujian	Jantina		Skor					
	L	P	80-100 (90-100) (80-89)	66-79 (73-79) (66-72)	51-65 (58-65) (51-57)	36-50 (43-50) (36-42)	21-35 (28-25) (21-27)	01-20 (11-20) (01-10)
Pra	6	9	1	4	7	2	1	0
Pasca	6	9	8	5	2	0	0	0

Jadual 5 menunjukkan skor bagi ujian pra dan pasca murid tingkatan 4 yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan. Sebelum teknik perayauan Internet digunakan, hanya terdapat seorang murid sahaja yang mencapai peringkat cemerlang, 4 orang murid mencapai peringkat kepujian, 7 orang murid memperoleh markah peringkat baik dan diikuti 2 orang murid mendapat pencapaian peringkat memuaskan serta seorang murid mendapat markah peringkat kurang memuaskan. Setelah melalui proses pembelajaran karangan fakta menggunakan teknik perayauan Internet didapati hasil penulisan murid meningkat dari segi kuantiti dan kualiti. Seramai 8 orang murid mencapai markah peringkat cemerlang, 5 orang murid berada pada peringkat kepujian dan 2 orang murid mencapai peringkat baik. Tiada murid yang mencapai 3 peringkat terakhir dalam kriteria penskoran Bahagian B Kertas 1 Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia.

Perbincangan

Perbincangan adalah berkisar kepada dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas menggunakan teknik eksplorasi digital dan maya dalam pengajaran dan pembelajaran karangan fakta.

Berdasarkan dapatan juga, pencapaian dan kualiti karangan murid dikenal pasti meningkat dalam penulisan karangan fakta kerana ciri-ciri teknik tersebut. Teknik yang digunakan ini bukan bersifat pasif malah bersifat aktif, elemen multimedia yang tidak jemu, boleh digunakan pada bila-bila masa, segala aktiviti juga boleh dikawal oleh murid. Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan teori konstruktivisme, iaitu pencapaian dan kualiti karangan murid meningkat kerana adanya penggabungan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baharu. Konstruktivisme merupakan proses pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda seseorang manusia. Keputusan kajian ini juga menyokong keputusan UNESCO (2009) yang menyatakan bahawa penggunaan teknik perayauan atau eksplorasi Internet dalam pengajaran dan pembelajaran akan berlangsung dengan lancar kerana berpusatkan murid. Situasi pembelajaran maya mampu membentuk murid berdaya saing dalam menyelesaikan masalah, membina daya fikir kemahiran berfikir aras tinggi dan membuat refleksi sendiri. Kajian yang telah dijalankan oleh Fish & Gill (2009), mendapati guru boleh melihat faedah menggunakan ketersediaan talian untuk meningkatkan persekitaran bilik darjah cara tradisional. Pembelajaran bahasa wajar menggunakan Internet kerana sifatnya sebagai bahasa komunikasi talian dan mencetuskan suasana optimum untuk belajar menulis (Siti Sudartini, 2010). Penggunaan Internet bukan sahaja membantu murid malah guru juga boleh mendapatkan maklumat untuk bacaan meningkatkan ilmu dan menulis artikel atas talian. Berkisar pada pendapat Adenan Ayob (2008), terdapat dua faktor yang membuatkan wahana pengajaran dan pembelajaran ini dianggap memberangsangkan murid. Antaranya, Internet memberikan ruang kepada murid untuk menguji tahap kecerdasan minda dan meningkatkan kepintaran murid menambahkan ilmu dari semasa ke semasa. Menurut beliau lagi, kepelbagaian ilmu dalam talian mampu membantu murid meluaskan pengetahuan sedia ada dan meningkatkan mutu penulisan karangan fakta.

Elemen multimedia sendiri seperti teks, grafik, audio dan animasi boleh membekalkan maklumat yang bervariasi dan sesuai dengan pengajaran linguistik. Kenyataan ini sejajar dengan Yan dan Rongchun (2011) yang menyatakan bahawa ciri-ciri Internet menyediakan beberapa maklumat tersurat lagi dinamik berkaitan linguistik. Amalan pengajaran pasif harus berubah kepada bersifat proaktif dan menimbulkan suasana pembelajaran yang meriah. Proses penyampaian ilmu dengan menggunakan teknik perayauan Internet akan meningkatkan kesan pengajaran kerana lebih jelas dan realistik. Apa yang didengar dapat dilihat secara maya. Banyak konsep baharu dapat dipelajari oleh murid dan disesuaikan dalam penggunaan ayat karangan. Dapatan ini juga menyokong keputusan De Gorge Moreno (2012) yang menjelaskan bahawa teknologi yang kompleks boleh membawa anjakan paradigma dalam pengetahuan dunia tanpa sempadan. Interaksi guru dan murid akan lebih meningkat selain murid berdaya kreatif, inovatif dan berdaya maju (Wang et. al, 2013). Penggunaan teknik perayauan Internet menjimatkan masa murid dalam menguasai pembentukan ayat bagi penulisan. Murid dapat mengesan ayat dengan pantas. Berpandukan kesan lain, pautan laman sesawang mengajar murid menstruktur ayat dalam karangan. Ayat yang panjang pada awal pencarian dipendekkan untuk melihat keputusan pencarian yang lebih sesuai. Perayauan Internet dilakukan tanpa henti sehingga murid berpuas hati dengan pencarian maklumat yang

dikehendaki. Murid mencuba sedaya upaya untuk mendapatkan maklumat lebih banyak dengan menukarkan kata yang digunakan sebelumnya. Hasil daripada pencarian kata sinonim, penggunaan kosa kata murid turut meningkat.

Pada pendapat lain, penggunaan teknik perayauan Internet menjimatkan masa murid dalam menguasai pembentukan ayat bagi penulisan. Murid dapat mengesan ayat dengan pantas. Apabila murid menghadapi masalah untuk melakukan penerokaan maklumat, bantuan guru boleh leraikan segala kebuntuan mencari idea sama ada laman teks, grafik, audio atau video. Pemahaman murid menjadi jelas dan sistematik dengan adanya hiperteks, bitmap, audio asal atau kesan bunyi dan pelbagai animasi. Dapatan ini menyokong keputusan Sharma (2013) bahawa pendekatan inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran membuatkan murid melakukan sesuatu aktiviti secara tidak berulang kerana mendapat maklum balas secara spontan. Menurut pandangan konstruktivisme, pembelajaran yang aktif di dalam kelas membina pemahaman baharu dengan pengetahuan sedia ada murid, manakala aliran kognitif pula berpendapat, pengajaran dan pembelajaran bahasa melalui multimedia membentuk individu sebagai penerima maklumat aktif dan konstruktif dan bukannya pasif. Jika dikaitkan dengan kajian ini, dapatan menyokong pendapat tersebut bahawa pengetahuan sedia ada murid menjadi luas dan tepat dengan adanya teknik perayauan Internet. Kemungkinan apa-apa yang dibaca, didengar dan dilihat tidak perlu dilakukan secara berulang kerana dengan mudah boleh menyerap dalam kognitif murid.

Cadangan

Daripada dapatan dan perbincangan meliputi aspek implikasi, beberapa cadangan dibentangkan. Cadangan-cadangan berkenaan adalah seperti yang berikut:

- i. Oleh itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia wajar mengkaji dan menaiktaraf kelengkapan komputer dan Internet supaya murid dapat menerima manfaat daripada pembelajaran maya.
- ii. Kajian akan datang perlu menjurus kepada pembangunan teknik bagi semua topik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam kajian tersebut, fokus adalah dalam aspek bahasa, laras, idea, pengolahan dan gaya bahasa. Langkah ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- iii. Integrasi penggunaan teknik perayauan Internet dengan laman-laman web bahasa yang sesuai akan memudahkan murid memperoleh input-input pembelajaran yang lebih luas dan pelbagai.

Kesimpulan

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam hasil ujian penulisan karangan fakta murid. Perkara ini dapat dilihat pada analisis yang dilakukan menerusi Ujian-t Sampel Berpasangan untuk meninjau perbezaan pencapaian. Analisis karangan adalah dalam kualiti karangan murid. Penggunaan teknik eksplorasi digital dan maya perlu disebarluaskan di institusi-institusi pendidikan demi menggalakkan perkembangan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk yang digital, maya dan global.

Bibliografi

Abdel Hamid Ahmed (2010). *Students' problems with cohesion and coherence in EFL essay writing in Egypt: Different Perspectives*. Egypt: Helwan Faculty of Education.

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Norzila Mohd. Yusof (2011). *Keberkesanan cerpen dalam mempertingkatkan prestasi penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian & Rashidah Baharom (2011). *The application of teaching aids and school supportive factors in learning reading skill among the remedial students in under enrolment schools*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim (2012). *Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Adenan Ayob (2008). *Kesan penggunaan peta minda interaktif dalam penulisan cerita*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Adenan Ayob, Kamariah Abu Bakar, Zakaria Kasa & Aida Suraya Md Yunus (2011). *Multimedia dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad (2012). *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Adenan Ayob (2015). *Sikap keseronokan dan keyakinan guru Bahasa Melayu menyerapkan kesantunan bahasa dalam pengajaran karangan ucapan berasaskan perayauan internet*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Alex Koochang, Liz Riley & Terry Smith (2009). *E-learning and constructivism: From theory to application*. USA: Macon State College.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman (2011). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di Sekolah Rendah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- De-Jorge-Moreno, J. (2012). *Using Social Network and Dropbox In Blended Learning: An Application To University Education*. Business, Management and Education, 10(1), 221–232.
- Fish, W., & Gill, P. (2009). *Perceptions of online instruction*. [The Turkish Online Journal of Educational Technology]. daripada <http://ro.ecu.edu.au/ajte/vol38/iss1/9/>.
- Fish, W.W., Gill, P.B. (2009). Perceptions of Online Instruction. The Turkish Online Journal of Educational Technology – TOJET. 8 (1). Article 6.
- Francesco Avvisati et al. (2015). *Students, computer and learning making the connection*. Paris: OECD Publications.
- Jeannine Kranzow (2013). *Faculty leadership in online education: Structuring courses to impact students satisfaction and persistence*. USA: Azusa Pacific University.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Kupasan mutu jawapan Bahasa Melayu 1 SPM*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Kupasan mutu jawapan Bahasa Melayu 1 SPM*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Kupasan mutu jawapan Bahasa Melayu 1 SPM*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Matthew Fisher, Mariel. K Goddu & Frank C. Keil (2015). *Searching for explanations: How the internet inflates estimates of internal knowledge*. America: Yale University.
- Moreno R, Mayer R. E. (2002). *Learning science in virtual reality multimedia environments: Role of methods and media*. Journal of Educational Psychology.
- Sarala @ Thulasi Palpanadan, Fauziah Ismail & Abdul Rahim Salam. (2015). *Role of model essays in developing students writing skills in Malaysian Schools: A review of literature*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

- Sharma P. (2013). *Role of Interactive Multimedia for enhancing students' achievement and retention*. International Women Online Journal of Distance Education.
- Suraya Tarasat & Aisah Daud (2014). *Kesan penggunaan perisian asas membaca terhadap pencapaian membaca murid peringkat prasekolah*. Brunei Darussalam: Institut Pendidikan Sultan Hassanalk Bolkiah.
- United National Educational, Scientific, Cultural Organization (2003). *Internet in Education Support Material for Educators*. Moscow: UNESCO Institute for Information Technology in Education.
- Yahya Othman & Roselan Baki (2007). *Aplikasi komputer dalam pengajaran bahasa: penguasaan guru dan kekangan dalam pelaksanaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Wang Yuping, Han Xibin & Yang Juan (2015). *Revisiting the Blended Learning Literature: Using a Complex Adaptive Systems Framework*. Australia: School of Languages and Linguistics, Griffith University.
- Zuraini Jusoh & Abdul Rasid Jamian (2014). *Kesan bercerita terhadap pencapaian penulisan karangan naratif Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.